

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 414 Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia III

Masa : [2 jam]

-----  
ARAHAN:

Kertas soalan ini mengandungi 7 (tujuh) soalan dan dibahagikan kepada Bahagian A dan B. Anda perlu menjawab soalan Bahagian A dan pilih dua soalan lain daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Berdasarkan satu tinjauan yang telah anda jalankan terhadap Konsep Bahasa Malaysia Merentasi Kurikulum, buat satu huraian ringkas tentang perkara-perkara berikut:
  - i) Tujuan dan kepentingan kajian
  - ii) Tinjauan bacaan berkaitan dan;
  - iii) Cadangan dan dapatan yang anda dapati daripada tinjauan tersebut.

(34 markah)

BAHAGIAN B

2. "Pengajaran kemahiran mendengar telah diabaikan oleh guru-guru bahasa, sedangkan ianya amat penting untuk meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa dan berbahasa".

Berdasarkan petikan di atas sarankan suatu perancangan dan penyajian pengajaran kemahiran mendengar di kalangan kanak-kanak perringkat KBSM.

(33 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan penguasaan kemahiran bacaan dan hubungkan jawapan anda dengan penguasaan aras-aras membaca di kalangan kanak-kanak.

(33 markah)

...2/-

4. Tulis satu tinjauan penyelidikan terhadap kajian-kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terhadap kemahiran penulisan karangan.

(33 markah)

5. Bincangkan konsep pemulihan dan pengayaan dan bagaimanakah ianya dapat dilaksanakan di peringkat sekolah menengah.

(33 markah)

6. Bincangkan cara-cara untuk memilih bahan-bahan ujian dan penilaian Bahasa Malaysia peringkat sekolah menengah dan apakah yang akan dilakukan oleh guru Bahasa Malaysia setelah mendapat markah pencapaian murid-muridnya.

(33 markah)

7. Rencanakan beberapa kaedah pengajaran tatabahasa yang boleh digunakan di dalam pengajaran tatabahasa di peringkat sekolah menengah.

(33 markah)